

12/02/2000

Wakil negara terjejas perlu terbabit: PM

Manja Ismail

BANGKOK, Jumaat - Sebarang forum bagi mengkaji aliran keluar masuk modal perlu membabitkan wakil negara yang terjejas teruk oleh krisis ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kebiasaannya sebelum ini, badan atau forum khas antarabangsa tidak memberi peluang kepada negara yang terjejas oleh sesuatu masalah, menyertainya.

Beliau memberi contoh kumpulan 20 negara (G20) yang hanya mahu orang lain menyetujui sebarang keputusan yang dibuatnya, menyebabkan akhirnya tiada sebarang kejayaan dicapai.

G20, ditubuhkan pada September 1998 adalah forum tidak rasmi bagi membincangkan kaedah memperbaiki sistem kewangan dunia. Ia dianggotai oleh anggota kumpulan G7 (negara maju) serta 11 negara membangun dan ekonomi baru muncul - Argentina, Australia, Brazil, India, China, Mexico, Russia, Arab Saudi, Korea Selatan, Afrika Selatan dan Turki.

Turut menjadi ahli ialah Kesatuan Eropah, bank pusatnya dan Pengarah Tabung Mata Wang Antarabangsa.

"Anda harus mencari orang yang terbabit dan terjejas (oleh krisis ekonomi). Dalam G20, pada awalnya tiada satu pun negara Asean diundang menyertainya.

"Selepas itu, baru mereka mengajak Indonesia, itupun bukan sebagai ahli penuh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Komplek Kedutaan Malaysia, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas cadangan Setiausaha Agung Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Rubens Ricuperro supaya kawalan modal juga perlu di negara di mana wang itu keluar.

Rcuperro pada sidang akhbarannya menjelang sesi ke-10 UNCTAD pagi ini berkata, kawalan modal tidak seharusnya terhad kepada dana yang masuk tetapi juga modal yang dikeluarkan dari sesebuah negara.

Dr Mahathir berkata, cadangan itu perlu dikaji dengan teliti sama ada ia benar-benar boleh mengurangkan risiko negara membangun dalam menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Ditanya apakah yang diharapkan daripada UNCTAD kali ini, Perdana Menteri berkata: "Seperti biasa, kita datang dan bercakap. Saya tidak fikir mereka akan bertindak kerana mereka (negara maju) tidak akan berbuat apa-apa yang tidak mendatangkan kebaikan kepada mereka."

Sebelum itu, dalam ucapan ringkasnya ketika merasmikan Kompleks Kedutaan Malaysia, Dr Mahathir berkata hubungan di antara Malaysia dan Thailand bukan saja semakin baik, malah kedua-dua negara mampu menyelesaikan secara berdepan.

Katanya, kedua-dua negara juga mengalami pemulihan ekonomi yang pesat selain saling menjadi negara pengasas Asean bersama Indonesia, Singapura dan Filipina.

"Malaysia banyak belajar daripada Thailand yang lebih dahulu mencapai kemerdekaan. Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman menghantar pegawai kerajaan ke sini untuk latihan," katanya.

Esok, Dr Mahathir adalah ketua kerajaan pertama yang berucap di sidang pleno UNCTAD X diikuti oleh Presiden Indonesia, Perdana Menteri Singapura dan Perdana Menteri Jepun.

Perdana Menteri juga akan mengadakan beberapa perbincangan dua hala dan menemui Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan bersama ketua-ketua kerajaan

Asean yang lain.

(END)